

Mc Garvie Naib Pengetua Kolej Sunway

PROGRAM Matrikulasi Kolej Sunway - Canada, di Petaling Jaya, Selangor, kini bertambah mantap dengan perantikan William Mc Garvie sebagai naib pengetua, baru-baru lalu.

Encik Mc Garvie yang bercuti selama setahun dari Lembaga Pendidikan Carleton, Ottawa, Canada, akan membantu Pengetua Program Matrikulasi Canada dan juga Pemangku Pengarah Kolej Sunway, Dr. Rex Sharman, mentadbirkan program berkenaan.

Mc Garvie yang mempunyai pengalaman mengajar dalam sistem pendidikan awam selama tiga tahun,

turut memberi kuliah kepada dua kelas ekonomi di bawah program Diploma Sekolah Menengah Ontario.

Dengan perantikan beliau itu, Program Matrikulasi Kolej Sunway - Canada kini mempunyai 92 peratus pensyarah yang berkelulusan dari Canada.


Ini melebihi keperluan Kementerian Pendidikan Ontario yang memerlukan sekurang-kurangnya 80 peratus daripada para pensyarah program tersebut terdiri daripada rakyat Canada atau berkelulusan dari Canada.

Keperluan tersebut diwu-

judkan untuk memastikan supaya 157 orang pelajar sekarang diajar oleh para kakitangan profesional berkelayakan yang diluluskan oleh Kementerian Pendidikan Ontario.

Menurut Mc Garvie, konsep di sebalik Program Matrikulasi Canada ini ialah untuk mewujudkan landasan yang kukuh bagi pengajian mahasiswa yang diterima oleh kebanyakan Universiti di Australia, Canada, New Zealand, United Kingdom dan Amerika Syarikat.

Tambah beliau, "dalam masa yang singkat sahaja setelah saya berada di Ma-



MC GARVIE

laysia, saya mendapati para pelajar Kolej Sunway begitu serius dan matang terhadap pengajian mereka. Mereka amat senang dididik dan saya rasa gembira untuk mengajar mereka."

This material may be protected by the Malaysia Copyright Act. It may only be used for private study or research. Downloading or reproduction in excess of “fair dealing” may constitute copyright infringement.